

18 MAR 1996

DR MAHATHIR MERASMIKAN KHTP

KULIM, 18 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini dengan helikopter TUDM dari Alor Setar pagi ini untuk merasmikan Taman Perindustrian Berteknologi Tinggi Kulim (KHTP), projek yang dirancang untuk menjadi sebuah bandar raya sains masa depan.

Perdana Menteri diiringi Menteri Besar, Tan Sri Haji Osman Aroff, yang menjadi penggerak pembangunan projek yang dirancang untuk menempatkan industri berteknologi tinggi dan pusat kegiatan penyelidikan dan pembangunan yang unggul di rantau Asean itu.

Bersempena majlis itu, Perdana Menteri menyaksikan upacara menandatangani perjanjian antara MEMC Electronics Sdn Bhd dan Khazanah Holdings; antara Kulim Technology Park Corporation dan MEMC Electronics, dan; antara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Dr Mahathir turut meletakkan batu asas bagi dua buah kilang perintis di KHTP milik Intel Products (M) Sdn Bhd dan Akashic Kubota Technologies Sdn Bhd, kedua-duanya berpangkalan di Amerika Syarikat.

Beliau juga menyaksikan upacara pertukaran dokumen antara Kulim Technology Park Corporation dan Universiti Sains Malaysia (USM) bagi penubuhan Pusat Teknologi Maklumat di taman perindustrian itu.

Petang ini, Perdana Menteri akan melancarkan program "Gerak Mesra" peringkat negeri Kedah dan merasmikan dewan serbaguna, "Dewan Mesra Perdana" di Institut Kemahiran Mara, Sungai Petani.

Lebih 5,000 orang dijangka hadir pada majlis anjuran Kementerian Penerangan itu. -- BERNAMA

TM NMO